Penggerak Kemajuan Saksama

# Selangor Kini

**PERCUMA** 7- 14 September 2012, 20 - 27 Syawal 1433



Lebih 10 ribu banjiri Dataran Kemerdekaan Shah Alam
muka 6

Serangan bas perbuatan tidak demokratik
muka 4

Janji Demokrasi: Era Umno bolot rai merdeka berakhir
muka 7




muka 3



## SELAMAT BERANGKAT...

DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah beramah mesra dengan peserta kursus haji, pada Majlis Penyempurnaan Kursus Perdana Haji 2012 Negeri Selangor di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Baginda turut diiringi Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamed Khusrin Munawi. Seramai hampir 4,500 peserta haji dari seluruh Selangor terpilih untuk menyertai ibadah haji tahun ini yang dijangka berlepas pada 17 September ini. BERITA PENUH MUKA 5

# Jemput Sultan: Rekod sahkan Kerajaan Negeri ikut prosedur

Oleh LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Penganjuran Majlis Sambutan Kemerdekaan Ke- 55 peringkat Selangor terbukti mengikut lunas amalan dan prosedur yang diamalkan sejak bertahun-tahun.

Merujuk rekod Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, DYMM Sultan Selangor hanya pernah sekali dijemput, iaitu pada tahun 2007.

Rekod yang diperolehi sehingga tahun 2003 menunjukkan hanya Menteri Besar bertindak sebagai tetamu kehormat pada Sambutan Ambang Merdeka pada setiap malam 30 Ogos.

Bukti ini menunjukkan bahawa sejak dari pentadbiran Umno-BN lagi sebelum 2008, Sultan Selangor tidak dijemput untuk menyertai acara ambang kemerdekaan.

Menteri Besar Besar, Tan Sri Abdul Khalid berkata, Sultan Selangor menerima jemputan pada setiap tahun untuk Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat yang diadakan pada setiap 31 Ogos sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan.

> Bukti ini menunjukkan bahawa sejak dari pentadbiran Umno-BN lagi sebelum 2008, Sultan Selangor tidak dijemput untuk menyertai acara ambang kemerdekaan

Jemputan kepada Sultan Selangor pada 2007 itu melibatkan keberangkatan pada acara perbarisan dan perarakan sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Kemerdekaan Malaysia.

Abdul Khalid mendedahkan, rekod jemputan dari pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri kepada pihak Sultan Selangor, bertujuan menjawab persoalan mengapa baginda tidak dijemput ke acara ambang merdeka peringkat Selangor pada 30 Ogos lalu.

Persoalan itu ditimbulkan beberapa pihak baru-baru ini yang mempertikaikan mengapa Sultan Selangor tidak dijemput ke acara tersebut.

"Saya terima penjelasan (Setiausaha Kerajaan Negeri) Datuk Mohamad Khusrin Munawi berkenaan perkara ini dan saya berterima kasih atas kerja-kerja jawatankuasa berkenaan," kata beliau.

lihat muka 2

selangorku
www.selangorku.com

# Kerajaan Negeri bantu mangsa banjir Seri Serdang

Oleh AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri Selangor akan menghulurkan bantuan berupa barangan keperluan harian dan wang ringgit dalam masa terdekat kepada penduduk di Seri Serdang yang terjejas teruk berikutan kejadian banjir kilat di kawasan itu baru-baru ini.

Demikian menurut Exco Pembangunan Kampung Baru dan Penyelesaian Kilang Haram, Ean Yong Hian Wah selepas mengadakan kunjungan ke lokasi bencana.

Menurut Ean, Kerajaan Negeri sedang membuat penilaian terperinci terhadap anggaran kerugian dan nilai kerosakan yang dihadapi penduduk berikutan kejadian tersebut.

"Setakat ini, Kerajaan Negeri mengarahkan Pejabat Daerah Petaling untuk buat tinjauan (turun padang) bagi membuat laporan berhubung kerugian yang dialami penduduk. Laporan itu nanti akan dinilai sebelum bantuan boleh disalurkan kepada kesemua mangsa banjir," katanya.




*Ean Yong turun padang melawat kawasan banjir di Jalan Kuyoh, Kampung Baru Seri Kembangan*

> **Setakat ini, Kerajaan Negeri mengarahkan Pejabat Daerah Petaling untuk buat tinjauan (turun padang) bagi membuat laporan berhubung kerugian yang dialami penduduk**
>
> **- EAN YONG HIAN WAH**
> Adun Seri Kembangan

Beliau berkata, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) turut memberi kerjasama baik dengan membantu kerja-kerja pembersihan kawasan kediaman mangsa, selain turut menghulurkan bantuan makanan kepada mereka.

Selain mengadakan lawatan, Ean turut menyerahkan bantuan berupa beras kepada mangsa banjir.

Dianggarkan, kira-kira 3,000 penduduk terjejas akibat kejadian banjir kilat yang melanda kawasan berkenaan.

Kira-kira 600 pelajar dan 23 guru dari dua buah sekolah di Taman Sri Serdang dekat ibu negara, terpaksa diselamatkan pasukan bomba dan penyelamat selepas terperangkap dalam kejadian banjir kilat itu.

Hujan lebat selama dua jam sejak pukul 4.30 petang itu turut menenggelamkan 100 kenderaan milik penduduk dan 30 milik guru di Sekolah Kebangsaan Seri Serdang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Indah.

dari muka depan

## Menteri Besar nafi dakwaan Khir Toyo

Abdul Khalid juga menyangkal dakwaan daripada bekas Menteri Besar, Dr Mohamed Khir Toyo yang beliau pernah menjemput Sultan Selangor ke Majlis Sambutan Kemerdekaan.

Katanya, tiada sebarang rekod yang menunjukkan Dr Khir pernah menjemput Sultan.

"Buat masa ini tiada sebarang rekod ditemui, mungkin juga sudah terbakar," jawab beliau secara sinis dalam satu sidang media selepas Mesyuarat Exco di sini.

Selain itu, Abdul Khalid berkata, tindakan Kerajaan Negeri mengundang Penasihat Ekonomi Selangor, Datuk Seri Anwar Ibrahim hanyalah sebagai penceramah jemputan.

"Tetamu kehormat adalah Menteri Besar, dan Anwar pula hadir sebagai penceramah jemputan.

"Sama seperti sebelum ini, kita ada penyanyi jemputan, cuma kali ini kita gantikan dengan penceramah jemputan," ujarnya.

# Tawaran kepada pembeli blok E PJS1 sudah dibuat

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri menjelaskan tawaran penyelesaian pemilikan rumah kos rendah telah dibuat kepada pembeli rumah Blok E PJS1 dalam pertemuan dengan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim pada 21 Julai lalu.

Sehubungan itu, Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Iskandar Abdul Samad ***(gambar)*** menafikan dakwaan Jawatankuasa Bertindak Pembeli-Pembeli Blok E PJS1 yang mengatakan Kerajaan Negeri belum memaklumkan kepada pembeli mengenai perkara itu.

Menurutnya, dalam pertemuan itu, Kerajaan Negeri memberikan penerangan dengan terang dan jelas, malah semua pembeli diberi peluang secukupnya untuk berdialog dengan Menteri Besar.

"Sejak pertemuan tersebut Jawatankuasa Task Force yang dibentuk mengendalikan masalah ini bermesyuarat sebanyak dua kali, iaitu satu mesyuarat 'pre-council' dan satu mesyuarat penuh. Ini tidak termasuk perbincangan tidak rasmi yang turut dilakukan.

> **Menurut mereka persatuan penduduk hanya mewakili 112 pembeli berdasarkan bilangan pembeli yang bersetuju dengan cadangan meneruskan pembinaan Blok E**
>
> **- ISKANDAR ABDUL SAMAD**
> Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan



"Perlu dijelaskan bahawa jawatankuasa bertindak pembeli-pembeli bukan ahli Jawatankuasa Task Force. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada wakil Pejabat Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan; Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) serta Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Sehubungan itu, dakwaan penduduk tidak dimaklumkan mengenai mesyuarat diadakan adalah tidak benar kerana wakil persatuan penduduk dari masa ke semasa sentiasa berhubung dengan pihak Exco berkaitan.

Selain itu Iskandar berkata, pihaknya juga menerima surat daripada pembeli yang mendakwa mereka sebagai Persatuan Kebajikan Pembeli-Pembeli Blok E PJS1 yang mewakili 92 daripada 262 pembeli berdasarkan bilangan pembeli yang bersetuju untuk menerima tawaran rumah kos rendah Kerajaan Negeri di Lembah Subang 2.

"Menurut mereka, persatuan penduduk hanya mewakili 112 pembeli berdasarkan bilangan pembeli yang bersetuju dengan cadangan meneruskan pembinaan Blok E. LPHS dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya diarah untuk menyiasat dakwaan ini," katanya lagi.

# Sidang DNS setiap bulan rapat jurang kerajaan - rakyat



**SHAH ALAM** - Cadangan Adun Pakatan Rakyat (PR) mengadakan sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) setiap bulan mendapat reaksi berbeza daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (Exco)

Maklum balas yang diterima Selangor Kini mendapati ada Exco bersetuju sidang yang kerap dapat mempercepatkan maklum balas antara rakyat dan kerajaan, tetapi ada juga yang sebaliknya.

Exco Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan, Dr Yaakop Sapari ***(gambar)*** berkata sidang yang kerap akan menolong kerajaan memberi respons yang cepat kepada masalah yang dibangkitkan rakyat.

"Jika masalah tidak selesai, ia boleh dibangkitkan sekali lagi tanpa menunggu tiga atau empat bulan," kata Dr Yaakop ketika ditemui Selangor Kini.

Kekerapan sidang DNS bermakna wakil rakyat dapat menyuarakan masalah berbangkit di kawasan mereka supaya tindakan cepat dapat diambil.

"Ia akan menguatkan lagi pengawasan dan pengimbangan antara institusi Kerajaan Negeri.

Minggu lalu, laporan Selangor Times menyebut juga mahukan Adun tersebut juga mahukan peruntukan yang lebih, bagi menambah kakitangan dan dana DNS.

Cadangan tersebut lahir daripada satu lawatan belajar ke Dewan Parliament Western Australia, baru-baru ini.

Di Australia, Dewan Undangan Negeri di wilayah negara tersebut bersidang tiga kali seminggu.

Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains dan Teknologi, Rodziah Ismail berkata, beliau sedia untuk menghadiri sidang DUN pada setiap bulan.

"Jika ia praktikal untuk diadakan dan memberi manfaat kepada rakyat, saya bersedia," tegasnya.

Manakala Exco Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Teresa Kok menyatakan pendapat berbeza dengan cadangan tersebut.

"Saya tidak setuju sama sekali, kerana saya percaya skop dan bidang kuasa DUN tidak besar serta tidak memerlukannya untuk dibincangkan setiap bulan ujar Teresa.



**BERTARAF ASIA...** Sebahagian daripada pemain yang menyertai kejohanan golf Worldwide Holdings Selangor Masters 2012 yang berlangsung di Kota Permai Golf & Country Club. Kejohonan ini menawarkan hadiah bernilai RM1.2 juta menarik seramai 156 pemain golf profesional dari serata dunia seperti Amerika Syarikat, India, Australia, China, Taiwan, Filipina dan Finland. Untuk pertama kalinya kejohanan kali ini akan dipancarkan secara langsung di lebih 200 buah negara dan kira-kira 650 juta penonton akan menyaksikan acara berprestij ini

# SYABAS boros, gagal salur air dengan baik

**BESTARI JAYA** - Mengubah suai pejabat dan membeli kereta baru, ini antara cara Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) membelanjakan wang yang sepatutnya diguna untuk menyelenggara pam dan loji rawatan air.

Pam dan loji yang tidak berfungsi dengan baik menyebabkan air bersih tidak dapat disalurkan dengan cekap kepada pengguna di Selangor dan Lembah Klang.

Ini didedahkan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim ketika mengulas isu air Selangor di dalam ucapan Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Ijok di sini.

Di bawah akta Konsensi Air 2004, Syabas, sebuah syarikat swasta diberi tanggungjawab mengurus rawatan dan saluran air bersih di seluruh Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur.

Abdul Khalid berkata, Syabas memberi alasan 'tiada wang yang cukup' apabila ditanya mengapa mereka tidak menyelenggara pam dan loji rawatan air.

Katanya, punca utama itu diketahui selepas disiasat Jawatankuasa Pemantau Air yang diketuai Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamed Khusrin Munawi.

"Bila saya tanya mengapa tiada wang, mereka (Syabas) memberitahu, wang untuk keperluan itu mereka gunakan untuk mengubah suai pejabat dan membeli kereta baru," katanya.

Pada bulan Ogos, Kerajaan Negeri Selangor diberi mandat untuk mengambil alih operasi tersebut daripada Syabas kerana syarikat itu gagal mengurus bekalan air bersih walaupun kerap kali meminta harga air dinaikkan.

Abdul Khalid menambah, sekiranya Syabas tidak mampu, Kerajaan Negeri boleh mengeluarkan wang untuk kerja-kerja penyelenggaraan itu.

"Kita boleh bagi duit dan kita juga boleh membaikinya dengan harga yang rendah kerana kita boleh mencari kontraktor yang berkebolehan dan harga yang berpatutan," katanya.

Sementara itu, Abdul Khalid akan turun melawat ke kawasan kampung sekitar negeri bagi meninjau masalah air dan pembuangan sampah.

Katanya, walaupun kini isu sampah jarang didengari kerana masalah itu dapat ditangani oleh Kerajaan Negeri, namun beliau tetap mahu meninjau.

"Saya akan pergi ke kampung-kampung dan tanya sendiri mereka mengenai kedua-dua isu ini.

"DYMM Sultan pun ada berbincang tentang isu ini dengan saya dan memuji bahawa masalah sampah sudah kurang," katanya.

*KARTUN RAKYAT*



# Naik gaji polis jika tadbir Putrajaya

Oleh AFIX REDZUAN

**KUALA LUMPUR** - Pakatan Rakyat (PR) menawarkan kenaikan gaji kepada anggota polis sebagai inisiatif pemangkin sekiranya berjaya mentadbir negara pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Ini merupakan antara tiga tawaran penambahbaikkan institusi Polis Diraja Malaysia (PDRM) agar dapat bertindak lebih efisyen dalam menjaga keselamatan awam.

Menurut Setiausaha Agung PAS, Datuk Mustafa Ali, tawaran ini menjadi antara agenda PR dalam menifesto pilihan raya akan datang.

Menurutnya, jumlah kenaikkan yang dicadangkan akan diumumkan kelak

"Kita bersetuju dengan suasana yang ada dan pemerhatian yang diberikan kepada bahagian ini," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Setiausaha Pakatan Rakyat di Pejabat Agung PAS di sini.

Dua tawaran kerangka utama lain adalah pembahagian semula sumber manusia dan meningkatkan teknologi siasatan.

"Strategi utama adalah pembahagian semula kakitangan PDRM.

"Bukan kita nak tambah, tapi tempat yang tidak kritikal kita tambah ke tempat yang lebih kritikal.

"Yang kritikal adalah untuk melawan jenayah. Kalau mengikut standard ukuran yang betul-betul efektif dari segi IO (investigating officer) sebulan kena ada 5 sahaja.

"Sekarang ada 20. Ini tidak baik sebab itu banyak kes yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh masa munasabah," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar berkata, PR tidak bercadang untuk menambah kepada 80,000 anggota polis menjelang 2015 seperti yang diumumkan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Katanya, langkah ini dapat menguruskan kewangan negara dengan lebih baik dan memberikan banyak manfaat kepada negara.




*Tawaran kenaikan gaji anggota polis diharap dapat menaikan semangat mereka untuk bekerja dengan lebih efisyen*

## PM cuba benarkan MMC monopoli KTMB

**PETALING JAYA** - Perdana Menteri didakwa bakal menyerahkan operasi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) kepada MMC Corporation Berhad (MMC) sekali gus mungkir janji untuk mengendalikan tender-tender kerajaan dengan telus, adil dan terbuka.

PKR berkata, syarikat yang akan mengambil alih KTMB itu sepatutnya dipilih melalui proses tender terbuka dan bukan hanya menyerahkannya kepada syarikat yang dikawal Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary.

Pengarah Startegi PKR, Rafizi Ramli mendakwa, usaha itu dilihat cubaan mewujudkan monopoli pengangkutan kereta api yang dijangka akan menjadi antara pengangkutan alternatif utama di masa hadapan.

"Konsortium beliau juga dianugerahkan tender pembinaan MRT yang kosnya dijangka melampui RM100 bilion.

"Dengan penganugerahan penswastaan KTMB pula, bermakna syarikat-syarikat yang dikawal Syed Mokhtar akan menguasai pengangkutan keretapi yang merupakan alternatif terpenting kepada sistem pengangkutan awam darat pada masa hadapan.

"Ini bermakna, sebarang usaha menaik taraf sistem pengangkutan awam sudah tentu akan melibatkan beliau kerana monopoli ini," kata Rafizi ketika sidang media di ibu pejabat PKR di sini.

Rafizi mendakwa, pentadbiran Najib ketika ini sedang meneliti pelan operasi dan pengambilalihan yang dikemukakan MMC pada awal tahun ini.

Tindakan tersebut juga dianggap sebagai usaha untuk memusatkan operasi dan kontrak melibatkan infrastruktur dan harta utama negara kepada beberapa pihak yang dikenali sebagai kroni kepada Najib.

Menurut Rafizi sekiranya pengambilalihan itu hanya melibatkan peningkatan kecekapan operasi dan kos, dan tidak menangung hutang KTMB yang benilai RM1 bilion, adalah lebih wajar ia dibuat melalui tender terbuka.

**Tindakan tersebut juga dianggap sebagai usaha untuk memusatkan operasi dan kontrak melibatkan infrastruktur dan harta utama negara kepada beberapa pihak yang dikenali sebagai kroni kepada Najib**

## Serangan bas perbuatan tidak demokratik

**BISTARI JAYA** - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, menyifatkan perbuatan samseng menyerang bas Merdeka Rakyat di Kota Bahru, Kelantan, tidak menggambarkan negara demokrasi.

Dengan nada sinis, Abdul Khalid berkata, sekiranya pihak yang terlibat mahu mengikut inisiatif dari PKR itu, lakukan sahaja bukannya dengan cara mensabotaj seperti itu.

"Kalau mahu ikut cara itu, ikutlah. Boleh buat cara yang sama, guna bas juga.

"Kalau mahu marah, marah sendiri, bukan marah orang lain. Cara samseng ini tidak menggambarkan negara demokrasi," katanya dalam ucapan di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri 2012 DUN Ijok, di sini.

Beliau berkata bas bergerak itu akan tetap meneruskan program Jelajah Merdeka Rakyat walaupun berhadapan dengan kekangan seperti kejadian itu.

Sebelum ini, kira-kira jam 4.30 pagi, bas Merdeka Rakyat yang memulakan perjalanan di sebelah pantai timur dicemari dengan insiden buruk apabila ia diserang di Kota Bharu.

Memetik laporan portal rasmi PKR, keadilandaily.com, akibat serangan itu cermin depan retak dan simbahan cat merah di bahagian depan bas dua tingkat yang digunakan untuk program jelajah Merdeka Rakyat.

Kejadian berlaku ketika bas berkenaan diparkir di depan pasar besar Siti Khadijah, Kota Bharu.

Bas berkenaan sebelum ini dinaiki Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat.




*TIDAK BERMORAL... keadaan bas yang dipecahkan cermin dan kotor kerana disimbah cat*

# Sultan Selangor ingatkan jemaah patuh undang-undang

Oleh AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, mengingatkan rakyat negeri ini yang bakal menunaikan haji atau umrah supaya patuh pada undang-undang negara Arab Saudi.

"Beta menasihatkan mereka yang akan ke Makkah dan Madinah menumpukan niat untuk beribadah kepada Allah SWT dan bukannya tujuan-tujuan yang lain," titah Baginda.

Ini kerana sebarang perbuatan yang tidak baik boleh menjejaskan nama baik rakyat Malaysia dan juga hubungan baik antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Arab Saudi.

Baginda bertitah demikian di Majlis Penyempurnaan Kursus Perdana Haji 2012 Negeri Selangor di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini baru-baru ini.

Baginda turut menasihatkan para jemaah haji supaya menjaga nama baik Selangor dan Malaysia kerana rakyat negara ini dikenali di kalangan pemimpin negara Arab itu sebagai jemaah yang paling berdisiplin dan terbaik.

"Beta juga ingin mengambil kesempatan ini menasihatkan bakal-bakal haji sekelian supaya mengambil berat mengenai aspek penjagaan kesihatan mulai dari tanah air sehinggalah sepanjang masa berada di tanah suci.

"Segeralah berjumpa pegawai perubatan di klinik-klinik yang disediakan pihak tabung haji sekiranya mengalami masalah kesihatan sewaktu berada di tanah suci nanti," titah Baginda.

Dalam majlis sama, Sultan Selangor turut berkenan mengurniakan cenderamata kepada wakil bakal-bakal haji.

Baginda diiringi Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khusrin Munawi.

Kursus Perdana Haji yang diadakan itu menghimpunkan semua bakal haji dari seluruh Negeri Selangor di mana seramai hampir 4,500 peserta dijemput menyertai kursus tersebut.



*KHUSYUK... Sebahagian daripada peserta haji yang mengikuti program Penyempurnaan Kursus Perdana Haji 2012 di Masjid Negeri*

# Warga emas terharu dipilih tunai ibadah haji

**SHAH ALAM** - Penantian pasangan warga emas untuk menjejak kaki ke tanah suci Makkah bagi menunaikan ibadah haji akhirnya terbalas apabila mereka terpilih untuk melaksanakan rukun Islam kelima itu tahun ini.



*Siti Solikha Hamid*

Lebih terharu apabila me-reka dapat menunaikan ibadah haji yang dinantikan sejak 2007, bersama ahli keluarga yang lain.

Siti Solikha Hamid, 53, beliau tidak dapat menahan sebak tatkala ditemuramah Selangor Kini berhubung harapan dan perasaannya.

Menurutnya, segala persiapan sudah dilakukan dan hampir selesai secara beransur-ansur sebelum meninggalkan tanah air ke tanah suci Makkah.

"Harapannya terlalu tinggi. Semoga saya dan semua ahli keluarga dan para jemaah lain dapat memperoleh haji mabrur.

"Perasaan gembira itu sukar untuk digambarkan. Syukur alhamdulillah," katanya dengan linangan air mata selepas menyertai Kursus Perdana Haji di Masjid Negeri, di sini.

Siti Solikha turut ditemani suami, adik, anak dan menantunya.

Suami beliau, Ahmad Tubi Saikon, 68, turut berkongsi perasaan sama dan berharap urusan hajinya dipermudahkan serta diberkati oleh Allah SWT.

"Saya bersyukur kepada Allah Yang Maha Berkuasa kerana terpilih menunaikan ibadah haji bersama anak dan isteri serta menantu.

"Alhamdulillah... kami menerima jemputan daripada Tabung Haji dan ini merupakan kali pertama kami menjejakkan kaki ke sana," katanya.

Seramai hampir 4,500 peserta haji dari seluruh Selangor terpilih untuk menyertai ibadah haji tahun ini yang dijangka berlepas pada 17 September depan.

CASCADES
KOTA DAMANSARA
UNIT BUMIPUTERA TERHAD SAHAJA



RESIDENSI
KORPORAT

KUNJUNGI KAMI DI
SOLARIS, MONT'KIARA, BLOCK J, LEVEL 8 (SOHO KL)
PEJABAT JUALAN MEMBUKA ISNIN – JUMAAT (8.45PG – 5.45PTG)

- Hanya 700 meter dari stesen MRT cadangan.
- Terletak di kawasan komersial Kota Damansara dan dihubungkan dengan lebuh raya utama seperti LDP, Penchala Link dan NKVE.
- Perbandaran matang dengan kemudahan seperti Pasaraya Giant, Sunway Giza, IKEA, The Curve, Pusat Membeli-belah 1 Utama, Tropicana Golf & Country Club, Pusat Perubatan Tropicana dan Kolej Segi.




**Promosi Istimewa**

- Diskaun bumiputera: Korporat 10% / Residensi 7%
- Bayaran pendahuluan hanya 5%*
- Tanpa faedah semasa pembinaan*
- Bayaran guaman SPA ditanggung oleh pemaju*

Mitraland Kota Damansara Sdn Bhd (879551-H) J-8-13 to 16, No. 2, Jalan Solaris, Solaris Mont'Kiara, 50480 Kuala Lumpur. T. 603 6204 0828 / 016 601 2116 F. 603 6204 0868 E. enquiries@cascade-kd.com.my www.cascades-kd.com.my

Sebuah projek inovatif oleh Mitraland Group
Projek dibiayai oleh AFFINBANK

Cascades Residensi Lesen Pemaju: 11439-1/12-2015/1428 (Tarikh Sahlaku: 16/12/2010 - 15/12/2015) • Permit Iklan: 11439/1/2802/2012 (12) (Tempoh Sahlaku: 29/12/2011 - 28/12/2012) • Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Bandaraya Petaling Jaya • No Kelulusan Pelan: MBPJ/120100/T/P10/1790/2010 • Tarikh Siap: Januari 2014 • Pegangan Tanah: Pegangan Pajak (tarikh luput: 01/02/2106) • HakmilikTanah: Dipajak kepada Affin Berhad Bank • Jumlah Unit: 37 • Harga Minima: RM441, 870 • Harga maksima: RM849, 420 • Diskaun 7% untuk Bumiputera • Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa. * Tertakluk kepada terma dan syarat

Sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan Ke-55 & Hari Malaysia Ke-49

# Lebih 10 ribu banjiri Dataran Kemerdekaan Shah Alam





"Merdeka bukan sahaja membebaskan diri daripada cengkaman penjajah, tetapi juga bebas daripada pemikiran negatif yang akan memecah belahkan rakyat di negara ini. Kita harus raikannya dengan penuh patriotik sebagai tanda cintakan negara.

**Nurul Aini Mohamad Ali, 24**



"Sambutan kemerdekaan seharusnya dijadikan medium bagi semua rakyat untuk mengecapi kebebasan dari segenap aspek. Contohnya bebas daripada belenggu rasuah dan amalan korupsi, selain pentadbiran yang adil dan telus

**Mohd Saffar Karusan, 21**

Oleh AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Setiap rakyat Malaysia berhak mendapat layanan yang adil dan sama rata dalam menikmati limpahan kemajuan ekonomi serta pembangunan negara tanpa wujud diskriminasi, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Sehubungan itu katanya, Selangor yang kini mempunyai penduduk melebihi 5.4 juta orang wajar dijadikan contoh negeri terbaik dalam hal membentuk negara bangsa yang seia dan sekata.

"Bersesuaian dengan semangat dan tekad Pakatan Rakyat (PR) untuk menubuhkan Kerajaan Pusat selepas memenangi Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) nanti, maka Kerajaan Selangor, Kelantan, Pulau Pinang dan Kedah bersetuju menggunakan tema kemerdekaan yang sama, iaitu sebangsa, senegara, sejiwa", katanya.

> **Khazanah Selangor mesti dipulangkan kepada rakyat negeri ini dan inilah nikmat kemerdekaan**
>
> **- ANWAR IBRAHIM**
> Penasihat Ekonomi Selangor

Dalam program yang sama, Penasihat Ekonomi Selangor, Datuk Seri Anwar Ibrahim, memuji pentadbiran Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang menekankan dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor(MES) dalam pentadbirannya di negeri ini.

"Khazanah Selangor mesti dipulangkan kepada rakyat negeri ini dan inilah nikmat kemerdekaan," katanya di hadapan kira-kira 10 ribu rakyat.



*SEMANGAT... Menteri Besar dan Anwar melaungkan merdeka bersama rakyat*

Anwar berkata, semangat kemerdekaan itu tidak hanya berhenti dengan pesta dan harus mampu memupuk rasa kecintaan kepada negara dan tanggungjawab yang dipikul oleh negara ini.

"Sebab itu saya ingin juga menyatakan bahawa kemerdekaan itu tidak mungkin tercapai sekiranya semangat ibu bapa kita itu malap, mengalah dan hilang keyakinan dan jati diri demi melawan penjajah," katanya yang juga Ketua Pembangkang Malaysia.

Sambutan kemerdekaan yang bertemakan 'Sebangsa, Senegara, Sejiwa : Terima Kasih Rakyat, Selangorku Terus Maju' itu turut dihadiri barisan Exco, Adun dan pimpinan Kerajaan Negeri.



*Antara persembahan yang menarik perhatian penonton*



*GAGAH... Kontijen MPPJ diumumkan sebagai johan perbarisan*



*Pak Samad mendeklamasikan puisi sambil dihayati orang ramai yang hadir meraikan sambutan ambang merdeka*

# Janji Demokrasi: Era Umno bolot rai merdeka berakhir

**Oleh NAZLI IBRAHIM**

**KUALA LUMPUR** - Berbeza dengan sambutan ambang merdeka tahun-tahun sebelumnya, sambutan ambang merdeka 'Janji Demokrasi' yang diadakan di Dataran Merdeka kali ini disertai oleh semua kaum.

Sebelum ini, ketika sambutan begini, hampir 90 peratus adalah orang Melayu, khususnya golongan remaja yang ingin menyaksikan persembahan hiburan artis kegemaran mereka.

Manakala sambutan di sebelah paginya pula, kebanyakan warga berbangsa India dan Cina yang hadir hanya semata-mata kerana terlibat dalam acara yang dipersembahkan.

Menurut seorang pelajar berbangsa Cina, penuntut tahun dua di Universiti Lim Kok Wing, yang tidak mahu namanya disebut, sebelum ini sambutan kemerdekaan dilihat sebagai salah satu acara menaikan imej Umno di mata rakyat negara ini.

"Sebab itulah bila hari merdeka, selalunya berkisar tentang pemimpin Umno sahaja.

"Kali ini lain, saya dan kawan-kawan betul-betul dapat rasakan semangat kemerdekaan negara Malaysia, bukan meraikan mana-mana parti politik," katanya sambil disokong oleh beberapa rakan beliau yang turut serta meraikan sambutan ambang kemerdekaan.

Acara 'countdown' himpunan aktivis menuntut pilihan raya bersih di depan bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Jalan Raja Laut berakhir dengan meriah dan bersemangat tanpa kekecohan.

Walaupun dilarang berhimpun oleh polis, hampir 20,000 hadir dengan acara kemuncak bacaan puisi oleh sasterawan negara Datuk A Samad Said dan nyanyian lagu Negaraku.

Perhimpunan 'Janji Demokrasi' merupakan perhimpunan sambutan ambang kemerdekaan yang dianjurkan oleh gabungan 'Janji' yang dianggotai 49 pertubuhan bukan kerajaan (NGO)

Turut kelihatan aktivis seperti Hishammuddin Rais, Badrol Hisham Shahrin, Haris Ibrahim dan Maria Chin Abdullah.

Hadir sama barisan pimpinan Pakatan Rakyat seperti Mohamad Sabu, Fuziah Salleh, Dr Dzulkefly Ahmad dan Tian Chua.



*Peserta Perhimpunan 'Janji Demokrasi' membanjiri Dataran Merdeka*

MENCORAK MASYARAKAT
unisel
UNIVERSITI SELANGOR




PROGRAM YANG DITAWARKAN

- Tahun Asas Pengurusan KPT/JPS/(R/345/3/0172)/02/17
- Tahun Asas Teknologi Maklumat KPT/JPS/(R/482/3/0008)/08/16
- Tahun Asas Sains KPT/JPS/(KR7950)/03/17
- Program Asas untuk Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) KPT/JPS/(R/144/3/0003)/07/17

PROGRAM DIPLOMA DAN SARJANA MUDA DARI FAKULTI-FAKULTI BERIKUT:

- Fakulti Kejuruteraan
- Fakulti Perniagaan
- Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat
- Fakulti Sains & Bioteknologi
- Fakulti Bioperubatan & Sains Kesihatan
- Fakulti Komunikasi & Media

Senarai penuh program dan syarat kemasukan boleh didapati di www.unisel.edu.my

Maklumat lanjut, hubungi: +603-5522 3435/3436/3535/3575
admission@unisel.edu.my

Borang Permohonan (Pengambilan September 2012) (Potong disini)

Nama :
Alamat :
No. K/P : No. Tel : E-mel :
Program dipohon : 1/ 2/
(Sila sertakan salinan sijil akademik yang berkaitan)

Hantarkan ke : Pejabat Pemasaran dan Kemasukan Universiti Selangor KPT/JPT/DFT/US/B06 | KPT/SP IPTS/DFT/US/B18
Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor | Fax : 03-5522 3541 / 03-5510 9277



Ahli Parlimen Serdang, Teo Nie Ching dan Adun Bangi, Dr Shafie Abu Bakar, menyampaikan sumbangan kepada warga emas sewaktu Jamuan Rakyat Aidilfitri Parlimen Serdang dan DUN Bangi di Kompleks Sukan Seksyen 15, Bandar Baru Bangi



Penyelaras DUN Gombak Setia, Ustaz Salehhuddin Nasir bersama isteri, menyambut tetamu yang hadir ke majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Pusat Khidmat DUN Gombak Setia yang diadakan di tapak uptown Sri Gombak



Adun Sijangkang, Dr Ahmad Yunus Hairi, bergambar bersama saf pimpinan PAS Kuala Langat sewaktu Majlis Hari Raya DUN Sijangkang yang berlangsung di Padang Wawasan Batu 9, Kampung Medan



ZIARAH... Adun Hulu Kelang,Saari Sungib, menyampaikan buku hasil tulisan beliau 'Sengsara Kem Kamunting' kepada bekas tahanan ISA, Mohammad Fadzullah Abdul Razak (baju hijau) di rumah keluarganya di Sungai Buloh, sambil diperhatikan Pengerusi Gerakan Mansuhkan ISA (GMI) Syed Ibrahim Syed Noh (tengah)



Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan, Hee Loy Sian, sewaktu merasmikan pembukaan Kejohanan MBPJ Inline Hoki Ke-4 2012 yang berlangsung di Kompleks Arena Petaling Jaya



HARGAI... Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim dengan ditemani Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dr Zulkefly Ahmad, menyampaikan sumbangan kepada ketua-ketua kampung pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri bagi DUN Ijok di Kampung Jaya Setia



MERIAH... Adun Chempaka, Iskandar Samad, gembira melayan tetamu yang tidak putus-putus hadir pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Chempaka dengan kerjasama PAS Pandan



TERTARIK... pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Dato' Harun, melawat Muzium Petaling Jaya, sewaktu Program 'Jom Melawat Muzium' Siri 3 2012 anjuran Muzium Petaling Jaya



Adun Batu Tiga, Rodziah Ismail, memotong kek hari lahir beliau sewaktu Program Rumah Terbuka DUN Batu Tiga yang bertempat di Pejabat MiMBAR dan WALA di Seksyen 20, Shah Alam, Hadir sama pemain bola sepak negara, Safi Salee

# Projek jalan yang menyusahkan peniaga

**Oleh SIRAJ MOHD ZAINI**

**SEMENYIH** - Projek penurapan jalan raya Kerajaan Umno-BN di Kampung Sungai Jai menyusahkan penduduk apabila kedai mereka sering dimasuki air setiap kali hujan.

Peniaga dan pemilik kedai di sini mendakwa mereka terpaksa membersihkan kedai daripada air yang mengalir masuk dari jalan tersebut yang berhadapan premis mereka.

Projek menaik taraf laluan alternatif bagi Kuala Lumpur - Seremban itu didakwa diuruskan pejabat DUN Umno-BN Semenyih di bawah Datuk Johan Abdul Aziz bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) Persekutuan.

Ahli Palimen Hulu Langat, Dr Che Rosli Che Mat berkata, banjir disebabkan keadaan jalan baru terlalu tinggi serta ketiadaan longkang bagi mengalirkan air daripada masuk ke kedai-kedai berhampiran.



“Jalan ini diturap setinggi hampir enam inci, tetapi longkang yang sepatutnya penting bagi mengalirkan air, terutama ketika hujan tidak dibina,” katanya ketika meninjau keadaan jalan di sini.

Tambahnya, penduduk di kawasan Beranang menghargai jalan yang diturap serta lampu isyarat baru, namun biarlah ia dalam keadaan sempurna tanpa menyusahkan mana-mana pihak.

Berkongsi masalah yang sama ialah peniaga kedai gambar, Wan Mohd Zambri Wan Husin ***(gambar)*** dan pemilik kedai gunting rambut, Sivarajan Muniandy yang mengadu kedainya sering dimasuki air sejak jalan ini siap diturap bulan lalu.

“Apabila datang musim hujan, saya terpaksa membersihkan kedai setiap hari kerana dimasuki air dan ia benar-benar merumitkan saya.

“Jurutera JKR ada berjumpa saya dan mereka berjanji untuk membina longkang bagi mengatasi masalah banjir, tetapi tiada apa-apa perkembangan sampai sekarang,” kata Sivarajan.

Sementara itu Dr Rosli berkata, beliau akan mengadakan perbincangan lanjut dengan JKR untuk melihat pelan projek, seterusnya mengatasi masalah ini.

Turut hadir ketika tinjauan dilakukan adalah Ketua Kampung Sungai Jai, Beranang, Mat Asnawi Mat Daud dan Penyelaras DUN Semenyih, Nor Azlan Mohamad.



***Dr Rosli menunjukkan penurapan jalan yang tinggi menyebabkan air melimpah ke dalam kedai***



***Kerja-kerja naik taraf jalan dilakukan dalam masa sehari***

## Naik taraf Jalan Kampung Nelayan Bagan siap dibina

**SEKINCHAN** - Dengan peruntukan RM22,000 melalui Geran Selangorku, jalan di Kampung Nelayan Bagan di sini siap dinaik taraf untuk kegunaan dan keselesaan penduduk melakukan aktiviti harian.

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim berkata, projek menurap jalan tersebut dibuat ekoran jalan yang ada sebelum ini berlubang dan tidak sempurna digunakan sejak sekian lama.

"Kita harap dengan adanya jalan ini, penduduk selesa dan tidak berhadapan masalah ketika menjalankan urusan.

"Diharap juga ia dapat mengurangkan risiko berlakunya kemalangan di kawasan ini," jelasnya yang memaklumkan maklumat ini hasil inisiatif JKKK kampung berkenaan yang memaklumkan kepada beliau berhubung masalah jalan tersebut .

Dalam pada itu, Ng turut menyeru agar penduduk dapat bersama menjaga kemudahan infrastruktur jalan berturap itu dengan baik.

"Saya menyeru agar tiada kenderaan berat seperti lori melalui jalan berkenaan kerana dikhuatiri tidak dapat menampung bebanan (kenderaan berat) tersebut," ujar beliau.

Ng turut meluangkan masa turun padang meninjau perlaksanaan projek oleh Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) itu yang bermula seawal jam 11 pagi.

Kerja menurap Jalan 11, Bagan, sepanjang 100 meter itu siap dalam masa sehari.

## Kempen anti-zina berjaya turunkan kes khalwat

**SHAH ALAM** - Sejak tiga tahun lalu, statistik penangkapan pasangan yang melakukan zina, khalwat dan berkelakuan tidak sopan, menurun, kata Pengarah Kempen Anti Zina Siri Ketujuh, Mohd Fauzan Madzlan.

Antara sebabnya adalah peningkatan kesedaran umum sejak kempen anti-zina Kerajaan Negeri Selangor dilancarkan dan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang dari agensi kerajaan.

“Kita juga bersama-sama dengan polis, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK), imigresen dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam penguatkuasaan undang-undang dalam operasi bersepadu,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa pelancaran Kempen Anti-Zina Siri Ketujuh di Lobi Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah.

Pelancaran itu dirasmikan Ex-co Pendidikan, Pendidikan Tinggi Dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali. Ia dihadiri kira-kira 100 orang daripada wakil agensi kerajaan, NGO, masjid dan surau serta ketua-ketua kampung.

Mohd Fauzan berkata, beberapa program kesedaran dirancang di seluruh negeri termasuk memasang banner kesedaran di kawasan taman rekreasi yang dikunjungi ramai.

Risalah akan diedarkan di kawasan umum sebagai usaha mendekati masyarakat dengan memberi penjelasan bahaya perbuatan zina dan aktiviti tidak bermoral.

Dr Halimah pula menyarankan pemimpin di peringkat akar umbi, khususnya ketua kampung, AJK Masjid dan surau, serta Penggerak Belia Tempatan (PeBT) agar menyumbangkan idea dan tenaga bagi menjayakan program ini.

“Kempen ini adalah usaha untuk mendidik masyarakat khususnya remaja dan belia.

“Pelancaran untuk beri kesedaran kepada generasi muda agar tidak menjadi mangsa dalam aktiviti tidak bermoral,” ujarnya.



***Dr Halimah sewaktu melepaskan konvoi bermotor sempena pelancaran Kempen Anti-Zina Siri Ketujuh di lobi SUK***

# Elaun RM750 untuk penyelaras PWB

Oleh LIZAWATI MADFA



Sebahagian daripada penerima watikah perlantikan penyelia dan penyelaras PWB

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri Selangor akan menyediakan elaun RM750 sebulan bagi penyelia dan penyelaras Pusat Wanita Berdaya (PWB) untuk merancakkan lagi aktiviti program tersebut dalam menaikkan pendapatan wanita.

Dalam masa dua tahun, PWB yang beroperasi di sekitar Selangor membantu memberi pendapatan sokongan kepada pesertanya dan diharapkan tambahan elaun tersebut akan menggalakkan lagi pembukaan lebih banyak cawangan PWB.

Exco Hal Ehwal Wanita Negeri, Rodziah Ismail berkata, sejak diwujudkan pada 2010, inisiatif ini membuahkan pelbagai perkembangan positif.

"Antaranya kita berbangga dengan kejayaan PWB DUN Ijok yang berjaya dengan usaha jahitannya, PWB DUN Batu Tiga dengan tenunan kainnya dan PWB DUN Selat Kelang yang berjaya dengan program-program keusahawanannya.

"Kejayaan ini membuktikan bahawa wanita Selangor semakin perkasa dan berdaya saing, serta mampu memainkan peranan penting dalam memantapkan struktur ekonomi negeri," katanya dalam Majlis Penghargaan Penyelaras dan Penyelia PWB di sini.

Majlis dirasmikan isteri Menteri Besar, Puan Seri Salbiah Tunut, yang turut menyampaikan watikah perlantikan penyelaras dan penyelia PWB kepada 56 wakil.

Dalam pada itu, Anizan Othman, penyelaras PWB DUN Kota Anggerik berikrar untuk berusaha membantu wanita memainkan fungsi maksimum memacu ekonomi keluarga dan negeri.

"Antara lain saya ingin menarik penyertaan wanita Orang Asal di Kota Anggerik, iaitu lebih kurang 39 orang," katanya apabila ditermui.

"Saya positif dan percaya usaha-usaha berterusan daripada inisiatif PWB dan Kerajaan Negeri ini akan menjadikan wanita lebih berdikari serta menguntungkan negeri bagi jangka masa panjang," ujarnya.

Pada Julai lalu, PWB menerima peruntukan sebanyak RM 1.33 juta di bawah Geran Selangorku, bagi tempoh enam bulan akan datang.

# Peruntukkan RM3.4 juta penuhi tanggungjawab korporat



*Menteri Besar dan Pengurus Besar PKNS, bergambar bersama sebahagian penerima*

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) memperuntukkan sejumlah RM3.4 juta bagi memenuhi tanggungjawab korporat sosialnya pada tahun ini.

Menurut Pengurus Perhubungan Awam PKNS, Ishak Hashim berkata, daripada jumlah itu, sebanyak RM2.2 juta wang zakat diperuntukkan bagi membantu mereka yang memerlukan, termasuk asnaf fakir dan miskin, mualaf dan fisabilillah.

"PKNS juga membelanjakan sejumlah RM1.2 juta, khusus untuk menyempurnakan program-program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)," ujar beliau.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada sambutan Majlis Jalinan Kasih Aidilfitri Anjuran PKNS di Pusat Konvensyen Shah Alam.

Majlis berkenaan dimeriahkan lagi dengan kehadiran Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Turut diraikan ialah penerima bantuan program CSR, iaitu Yayasan Pembangunan Anak Yatim/Miskin (Pemangkin) di Acheh yang menerima sumbangan sebanyak RM495, 608.

Selain itu, turut menerima sumbangan ialah Sekolah Agama Menengah Harapan Jenjarom, Kuala Langat yang menerima sumbangan sebanyak RM20,000 bagi membina bangunan sekolah dua tingkat.

Kesemua sumbangan disampaikan Menteri Besar yang diiringi Pengurus Besar PKNS, Othman Omar di hadapan kira-kira 1,500 tetamu



# PENCAPAIAN 2008-2012

Di sini dibentangkan pencapaian bidang Pendidikan dari 2008 hingga kini dengan memfokuskan bidang pendidikan, manakala bidang pendidikan tinggi akan disiarkan pada 31 Ogos 2012

## MERAKYATKAN ILMU





Bilangan Perpustakaan di Selangor
- 7 Daerah
- 4 cawangan
- 10 Pekan
- 55 Desa

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR**

**BANTUAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT, SJKC & SJKT**

| TAHUN | JUMLAH SEKOLAH | KOS (RM) |
|---|---|---|
| 2009 | 326 | 16 juta |
| 2010 | 373 | 16 juta |
| 2011 | 449 | 16 juta |
| 2012 | 227 (sehingga Jun) | 18.5 juta |



# YB DR HJH HALIMAH ALI

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor
ADUN Selat Klang N45

VISI KERAJAAN NEGERI SELANGOR
Negeri Idaman, Maju, Sejahtera Dan Berkebajikan
**Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur**

"Membudayakan Ilmu melalui Program Mengilmukan Rakyat dan Merakyatkan Ilmu"

drhalimahali.blogspot.com/

**KURSUS LATIHAN PENGURUSAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT**
Seramai 2000 orang guru mendapat latihan perguruan anjuran kerajaan **RM 300,000.00**

**BANTUAN KOMPUTER KEPADA 23 BUAH SEKOLAH RENDAH AGAMA DAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT** kos **RM 555,665.50**

**KURSUS LATIHAN ICT UNTUK GURU-GURU SEKOLAH AGAMA** 43 guru melibatkan kos **RM 132,900.40**

**PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)**
Program dimulakan tahun 2012 dan sehingga tahun 2012 peruntukan yang telah disediakan adalah **RM 13.6 juta** yang melibatkan seramai 18,458 pelajar



**PENUBUHAN MAJLIS PERMUAFAKATAN INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM SELANGOR (MAPPIS) - 2009, YAYASAN PENDIDIKAN ISLAM SELANGOR (YAPIS) - 2011 dan seterusnya MENUBUHKAN KOLEJ INTEGRASI TAHFIZ TUNAS ILMUWAN SELANGOR (KITTIS) KLANG - 2011 dan KELAS AGAMA MENENGAH ARAB (KAMA) - 2011** untuk menampung keperluan sekolah agama peringkat menengah

**BANTUAN KEWANGAN TADIKA SELANGOR (SKIM TUNAS)**
Skim Tunas adalah Program Bantuan Kewangan kepada kanak-kanak berumur 5 dan 6 tahun yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan RM1500 dan ke bawah.
Peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2012 adalah sebanyak **RM1,016,600** dan bagi tahun 2013 adalah sebanyak **RM3 juta.**



**YAYASAN SELANGOR**
Jumlah biasiswa/dermasiswa yang diberi oleh Yayasan Selangor bagi 2 tempoh berikut dan jumlah pelajar yang terima biasiswa / dermasiswa berkenaan adalah sepeti berikut :

| TEMPOH BIASISWA/DERMASISWA | BILANGAN PELAJAR | NILAI |
|---|---|---|
| Tahun 2003 - 2007 | 4450 | RM 1,534,800 |
| Tahun 2008 - Jun 2012 | 6794 | RM 4,287,550 |



## MENGILMUKAN RAKYAT

**PROGRAM JEJAK ILMUAN**
Program ini adalah untuk memartabatkan dan mengikonkan ilmuan di Selangor.



**MEWUJUDKAN ANUGERAH**
**Tokoh Ilmuan Selangor 2010**
- Prof Dr Muhaya Mohamad
**Anugerah Tokoh Penulis 2011**
- Prof Dr Shahrir Mohd Zin
**Anugerah Tokoh Penulis 2012**
- Said Zahari
**Tokoh Pustakawan 2012**
- Prof Dr Hj Raja Abdullah Yaacob

**MELAHIRKAN FORMULA PENDIDIKAN HOLISTIK (SPIES)**
S.P.I.E.S (Spiritual, Physical, Intelek, Emosi, Sosial) adalah program holistik pembangunan modal insan Selangor untuk melahirkan rakyat yang cemerlang, berdaya maju, dan berdaya saing.

**HARI ILMU NEGERI SELANGOR**
Pengisytiharan Hari Ilmu Selangor oleh DYMM Sultan Selangor pada 26 Jun 2010. Program Gerakan Membaca Perdana juga diadakan pada hari tersebut di mana seramai 15,271 telah berkumpul dan bilangan ini tercatat dalam " Malaysia Book Of Records". Program Menulis Perdana yang berjaya menghasilkan buku Mega yang dapat menarik 1500 penulis terdiri daripada semua lapisan masyarakat termasuk Menteri Besar dan barisan exco.
Buku mega boleh didapati di semua perpustakaan awam seluruh negara.





# Clamping kurangkan kesesakan lalu lintas

Oleh HAFIZAN TAIB

**SUBANG JAYA** - Tindakan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mengunci tayar kenderaan (clamping) yang tidak diletakkan dengan betul, berjaya mengurangkan kesesakkan lalu lintas di bandar ini.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Asmawi Kasbi berkata, pemandu kereta amat bimbang kenderaan mereka dikunci kerana mereka perlu ke pejabat MPSJ bagi membayar kompaun supaya kenderaan mereka dilepaskan.

"Tindakan mengunci kenderaan jelas memberi kesan positif kepada pengguna di bandar ini.

"Mereka kini lebih berhati-hati apabila meninggalkan kenderaan mereka di tepi jalan atau di kawasan yang tidak dibenarkan," kata Asmawi di dalam sidang media selepas mesyuarat penuh bulanan MPSJ di sini, baru-baru ini.

Pada 2010, MPSJ mengeluarkan sebanyak 9,592 saman, diikuti 5,620 pada 2011. Sehingga Julai tahun ini sebanyak 6,004 saman dikeluarkan.

MPSJ juga mencatatkan pengurangan saman yang dikeluarkan. Pada Januari hingga Mei, 1,000 saman dikeluarkan, tetapi Jun hingga Ogos, mencatatkan hanya kira-kira 200 saman sahaja.

Sementara itu, MPSJ bakal membawa dua kes ke mahkamah atas tuduhan merosakkan alat pengunci kenderaan. Manakala lebih 400 kes lagi dalam senarai menunggu dan telah dibawa ke Timbalan Pendakwaraya MPSJ.

Dalam hal yang lain Asmawi berkata, MPSJ akan menerima tambahan 50 kamera litar tertutup (CCTV) menjelang akhir tahun ini bagi tujuan pemantauan kejadian kes jenayah di kawasan bandar itu.

Katanya, penerimaan terbaru itu menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 174 CCTV yang mana ketika ini 124 CCTV dipasang di seluruh bandar di lokasi strategik.



***KUNCI... pemilik kenderaan kini lebih berhati-hati untuk meletakkan kenderaan mereka***

**CABARAN...**
Tiga kakitangan MPK mencatat sejarah apabila berjaya mengibarkan bendera majlis sempena sambutan 122 tahun MPK di puncak Gunung Kinabalu baru-baru ini. Lebih membanggakan, pendaki terlibat, iaitu Rizal Md Yusoff dari Jabatan Penguatkuasa, Nasiron Salimon dari Jabatan Perkhidmatan Persekitaran dan Faezah Sani dari Jabatan Kesihatan, turut menuruni puncak melalui Via Ferrata, yang mana ia diiktiraf The Malaysia Book of Records




## MPK siapkan kertas kerja atasi pembakaran terbuka di Johan Setia

**KLANG** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan menyiapkan kertas kerja bagi mencadangkan langkah mengatasi pembakaran terbuka yang berulang di kawasan Johan Setia di sini.

Pemangku Yang Dipertuanya, Mohd Ihsan Mukri berkata, cadangan itu akan dihantar bersama laporan lengkap pemantauan daripada Jawatankuasa Bertindak berhubung masalah itu kepada Exco Kerajaan Negeri.

Katanya, antara cadangan itu ialah melibatkan pengambilalihan tanah persendirian di kawasan berdekatan agar MPK dapat membina satu kolam tadahan.

"Ini kerana masalah utama yang kita hadapi ialah ketiadaan sumber air untuk memadamkan kebakaran di kawasan terbabit.

"Sebelum ini, apa yang mampu kami lakukan adalah memukul api dengan menggunakan penyapu rotan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan MPK.

Tambahnya, MPK kini dalam menyediakan keperluan lengkap termasuk peralatan asas dan pakaian yang bersesuaian untuk dibekalkan kepada anggota penguatkuasa.

"Kita juga akan mengadakan perbincangan dengan pihak bomba untuk rangka kerja khusus, antaranya memberi latihan kepada mereka sekiranya berulang.

"Menyedari hakikat itu, kita minta pegawai untuk menyediakan peralatan sempurna kepada pekerja bagi mengelakkan kemudaratan kesihatan. Kita akan cari kaedah untuk menambah baik keadaan sekarang," katanya.

Sebelum ini, insiden kebakaran paling serius pernah dilaporkan berlaku antara Mei dan Jun tahun ini dengan melibatkan kira-kira 20 ekar tanah.

Kebakaran itu tidak hanya berlaku di Klang, sebaliknya turut membabitkan daerah lain seperti Kuala Langat sehingga mengakibatkan jerebu teruk.

## Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor? Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
Tel : 03-4296 8000; Hotline : 1 -800-22-8100

**MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR**
Tel : 03-60641331 SMS: taip "mdhs aduan" hantar ke 15888.
Semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888

**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**
www.mpklang.gov.my
Kutipan Sampah: Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy);
Klang Selatan: 016-2506796 (Razif )
Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)
Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);
Klang Selatan: 016-3824471(Loganathan)
Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)

**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**
www.mdkl.gov.my Tel: 03-3187 2825SMS: Taip "MDKL ADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR**
www.mdks.gov.my Tel: 03-3289 1439

**MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM**
www.mdsb.gov.my Tel: 03-3224 1655 / 1000

**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**
www.mps.gov.my
Bebas tol: 1800-22-2677 Tel: 03 - 6120 8953

**MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**
www.mpsepang.gov.my Tel: 03-8319 0200 / 0300

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**
www.mbsa.gov.my
Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**
www.mpsj.gov.my
Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**
www.mbpj.gov.my
Tel: 03-79542020 (24-jam hotline)/ 03-79563544 (am)
SMS: Taip "MBPJ ADUAN [ aduan ]" dan hantar ke 33213



## MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

**TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR**
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City, I-City, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741, Faks : 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

**SKIM MESRA USIA EMAS**
Rantaian Mesra Sdn Bhd,Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455
emel: mesrausiaemas@gmail.com

**HADIAH ANAK MASUK IPT** Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan S.S.A.A.S, 40503 Shah Alam
Tel: 03-55447385 atau 03-55212275 Faks: 03-55104095 atau 03-55110659

**PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN**
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5518 7735 , Faks : 03-5518 7736
email : info@semesta.com.my
Laman Web : www.semesta.com.my

**TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG**
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618. Faks : 03-5510 6678

**PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)**
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi
Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622. Faks : 5519 3304

**BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU**
Kumpulan Darul Ehsan Berhad, 16th - 17th Floor, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5510 3999. Faks : 03-5510 9977
Emel: communications@kdeb.com

**SKIM KESIHATAN WANITA**
Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

**PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)**
Mimbar Selangor, A23, Pusat Perniagaan Jubli 20, Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-55413616. Faks: 03-55413617
Laman Web http://www.mimbarselangor.org

**SKIM MIKROKREDIT SELANGOR**
Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor, Tingkat 2, Bangunan SultanSalahuddin Abdul Aziz Shah, 4000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-55447104/ 03-55191692/ 03-55212312
Fax : 03-551055829
Laman Web http://www.skimsel.com

**PUSAT DIALISIS RAKYAT**
Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

**PUSAT TUISYEN RAKYAT**
Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5544 7480/7481/7482/7543 Faks: 03-55104095/ 55135564/ 55447391
Blog http://tuisyenrakyat.blogspot.com



*LUCU... Menteri Besar kelihatan tertarik dengan karya-karya kartun yang dipamerkan*

# Rakyat disaran hayati karya kartun Zunar

Oleh AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri Selangor membuktikan sikap terbuka apabila negeri pertama menganjurkan pameran kartunis politik popular Zunar atau nama sebenarnya Zulkiflee Anuar Ulhaq.

Bertempat di galeri Shah Alam, pameran solo pertama di Malaysia ini dirasmikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Pameran kartun solo bertajuk 'Zunar' bertempat di Galeri 1, Galeri Shah Alam itu dijadualkan berlangsung bermula 1 hingga 9 September depan.

Pameran itu julung-julung kali diadakan Zunar di tanah air setelah membuat dua pameran di Bilbao, Sepanyol dan London bertemakan 'Berjuang Melalui Kartun.'

Sebanyak 147 buah karya dipamerkan, di mana kesemuanya berkisarkan senario politik Malaysia yang dihasilkan dari tahun 1999 sehingga kini.

Pameran ini dibuka setiap hari kepada orang ramai dari pukul 8.30 pagi hingga 5.30 petang.

Abdul Khalid dalam ucapan perasmiannya menyeru rakyat Malaysia, khususnya di Selangor agar menghayati karya Zunar bagi memahami keadaan politik semasa.

Menurut Abdul Khalid, pameran ini perlu dikunjungi masyarakat seluruh Malaysia untuk merasakan jiwa kartunis dari aspek intepretasi mereka berhubung politik negara dan pendedahan penyelewengan yang perlu dibetulkan.

Katanya, Zunar merupakan antara kartunis yang konsisten serta komited dalam usahanya menyalurkan mesej kepada masyarakat secara sinis mengenai perubahan yang perlu dibuat.

"Walaupun Malaysia tidak memberi pengiktirafan kepada Zunar, tetapi dunia luar begitu banyak beri pengiktirafan kepadanya. Beliau memenangi anugerah dunia melalui peranan kartunis di Washington, yang mana mengiktiraf beliau sebagai pemangkin perubahan mesyarakat.

"Saya harap semua masyarakat mengambil kesempatan ini untuk melihat pameran yang ditunjukkan.

"Selain itu, kita juga berharap usaha ini akan dilakukan secara berterusan sebagai pembuka jalan kepada rakan kartunis lain untuk meneruskan perjuangan seni bagi membawa perubahan kepada masyarakat," katanya.




> **Kartunis yang konsisten serta komited dalam usahanya menyalurkan mesej kepada masyarakat secara sinis mengenai perubahan yang perlu dibuat**
>
> **- ABDUL KHALID**
> Menteri Besar Selangor

# 1,000 tetamu hadir rumah terbuka DUN Ijok

Oleh NORHAYATI UMOR

**BISTARI JAYA** - Orang ramai tidak putus-putus membanjiri Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri bagi DUN Ijok di Kampung Jaya Setia, di sini.

Kira-kira 1,000 penduduk daripada pelbagai kaum menyerikan rumah terbuka bagi DUN Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim itu.

Majlis bermula jam 2 petang dan berakhir pada 6 petang.

Abdul Khalid ditemani isterinya, Puan Sri Salbiah Tunut melawat ke gerai-gerai makanan dan bersalam dengan penduduk yang mengunjungi sambil mengucapkan selamat hari raya.

Selain berpeluang menjamu selera dengan pelbagai jenis juadah, wakil dari sekolah di sekitar DUN turut mendapat bantuan wang tunai, sumbangan peribadi kepada ketua kampung, manakala kanak-kanak diberikan duit raya.

Hadir sama, Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dr Zulkefly Ahmad, Ahli-ahli Majlis Majlis Daerah Kuala Selangor dan Setiausaha Politik Menteri Besar, Faekah Husin.

Rumah terbuka itu dianjurkan Pejabat DUN Ijok dengan kerjasama pejabat Ahli Parlimen Kuala Selangor.

Sementara itu, ketika ditemui Ketua Kampung Jaya Setia, Osman Badaei berkata, persaudaraan dan perpaduan rakyat negara ini dapat digambarkan melalui kesediaan umat Islam mengadakan rumah terbuka untuk meraikan kunjungan tetamu.



*ENAK... orang ramai tidak melepaskan peluang menikmati juadah pada Majlis Rumah Terbuka DUN Ijok*

Beliau berkata, melalui majlis rumah terbuka, perpaduan bukan sahaja dijalin antara umat Islam, malah lebih istimewa lagi apabila perayaan itu turut disambut oleh penganut agama lain apabila mereka berkunjung ke rumah umat Islam.

Seorang lagi penduduk Hashim Kasmani, 54, berkata, kehadirannya ke rumah terbuka itu adalah untuk mengambil peluang bersemuka dan bersalam dengan Menteri Besar, selain untuk memeriahkan suasana.

Manakala bagi Siti Idayu, 45, berkata, beliau mengambil peluang untuk hadir kerana sambutan hari raya sedemikian hanya setahun sekali.

"Jadi di samping itu kita dapat mengeratkan silaturahim dan memeriahkan suasana," katanya.

dari muka 16

## Hutang Talam dibentang dalam DNS

Abdul Khalid dalam sidang media itu turut berkata, laporan tersebut akan dibentangkan dalam Dewan Negeri Selangor (DNS) yang akan bersidang pada November akan datang sebelum diedarkan kepada orang ramai.

Selain itu, Abdul Khalid juga mengumumkan perlantikan Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dr Dzulkefly Ahmad dan Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Phua sebagai jurucakap rasmi bagi Kerajaan Negeri berhubung isu ini.

Turut diberi kepercayaan, sebagai jurucakap dalam isu sama adalah Ahli Parlimen Selayang, William Leong dan Setiausaha Politik Menteri Besar, Faekah Husin.

## WAKTU SOLAT SELANGOR

7 - 14 SEPTEMBER 2012
20 - 27 SYAWAL 1433

**Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam**

| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 Jumaat | 5:41 | 5:51 | 7:07 | 1:14 | 4:18 | 7:18 | 8:27 |
| 8 Sabtu | 5:40 | 5:50 | 7:07 | 1:14 | 4:17 | 7:17 | 8:27 |
| 9 Ahad | 5:40 | 5:50 | 7:07 | 1:13 | 4:15 | 7:17 | 8:26 |
| 10 Isnin | 5:40 | 5:50 | 7:06 | 1:13 | 4:14 | 7:16 | 8:26 |
| 11 Selasa | 5:40 | 5:50 | 7:06 | 1:13 | 4:13 | 7:16 | 8:25 |
| 12 Rabu | 5:40 | 5:50 | 7:06 | 1:12 | 4:12 | 7:16 | 8:25 |
| 13 Khamis | 5:39 | 5:49 | 7:06 | 1:12 | 4:12 | 7:15 | 8:24 |
| 14 Jumaat | 5:39 | 5:49 | 7:05 | 1:12 | 4:12 | 7:15 | 8:24 |

**Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat**

| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 Jumaat | 5:43 | 5:53 | 7:09 | 1:16 | 4:20 | 7:20 | 8:29 |
| 8 Sabtu | 5:42 | 5:52 | 7:09 | 1:16 | 4:19 | 7:19 | 8:29 |
| 9 Ahad | 5:42 | 5:52 | 7:08 | 1:15 | 4:17 | 7:19 | 8:28 |
| 10 Isnin | 5:42 | 5:52 | 7:08 | 1:15 | 4:16 | 7:18 | 8:28 |
| 11 Selasa | 5:42 | 5:52 | 7:08 | 1:15 | 4:15 | 7:18 | 8:27 |
| 12 Rabu | 5:42 | 5:52 | 7:08 | 1:14 | 4:14 | 7:18 | 8:27 |
| 13 Khamis | 5:41 | 5:51 | 7:08 | 1:14 | 4:14 | 7:17 | 8:26 |
| 14 Jumaat | 5:41 | 5:51 | 7:07 | 1:14 | 4:14 | 7:17 | 8:26 |



Selangor Kini

MASALAH SAMPAH?
Hubungi Talian Bebas Tol
1-800-88-2824

# Firma audit: Kutipan hutang ikut peraturan, tidak 'bailout' Talam

Oleh NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Laporan firma audit, KPMG Transaction Restructuring Sdn Bhd (KPMG) mendapati, keputusan Kerajaan Negeri Selangor mengutip hutang bernilai RM392 juta daripada Talam Corporation (Talam) sebagai satu keputusan komersil yang baik.

KPMG juga berkata, usaha mengutip hutang itu bukan satu tindakan 'bailout' di mana, Kerajaan Negeri menggunakan duit rakyat untuk menyelamatkan sebuah syarikat daripada runtuh.

Laporan tersebut adalah bukti terkini yang menyangkal kritikan pemimpin Umno-BN terhadap proses pengutipan hutang Talam itu yang didakwa satu 'bailout'.

Sebaliknya dalam isu ini, Talam merupakan pihak yang perlu membayar setiap sen hutangnya kepada Kerajaan Negeri tanpa sebarang pengecualian.

Hutang tersebut merupakan hutang yang gagal dikutip oleh Kerajaan Negeri ketika di bawah pentadbiran Umno-BN.

Proses ini berbeza dengan tindakan Kerajaan Pusat Umno-BN yang pernah 'bailout' syarikat kroni mereka yang sakit seperti Perwaja Steel, Renong dan Time Engineering.



**PATRIOTIK…** sambutan kemerdekaan yang bertemakan 'Sebangsa, Senegara, Sejiwa', dimeriahkan dengan penyertaan ramai golongan muda dalam acara perbarisan, selain penyertaan daripada 56 kontinjen yang antaranya terdiri daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Bomba, Pejabat Daerah dan Tanah Selangor, Jabatan Kastam Selangor, Kolej Antabangsa Inpens, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Padat) dan lain-lain. Hampir 10,000 rakyat membanjiri Dataran Kemerdekaan Shah Alam untuk sama-sama meraikan hari bermakna tersebut. BERITA LANJUT DI MUKA 6

Selain itu, KPMG juga mendapati usaha tersebut dilaksanakan dengan tertib, mengikut undang-undang, beretika serta menjaga kepentingan negeri, anak syarikat dan rakyat Selangor.

Laporan audit yang diumumkan pada sidang akhbar selepas mesyuarat Exco baru-baru ini, menyebut penyelesaian hutang Talam itu dilaksanakan menerusi pelbagai mekanisma.

"Penyelesaian hutang ini dilaksanakan menerusi penyelesaian aset melibatkan sembilan lot tanah, dua hartanah, 60 peratus saham dalam anak syarikat Talam serta (wang) tunai.

"Perjanjian penyelesaian dengan Talam ini adalah semata-mata bertujuan mengutip hutang," menurut petikan laporan firma audit yang dibaca Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif KPMG Advisory Unit, Chan Siew May dalam sidang media yang sama pula berkata, semakan yang dibuat tidak berdasarkan mana-mana tuduhan.

Lihat muka 15




Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan
Dicetak oleh Angkatan Edaran Enterprise Sdn Bhd, Lot 6, Jalan Tukang 16/4, Seksyen 16, 40200, Shah Alam. Tel: 03- 55196373 Faks: 03 - 55127985